

# SKTM UMS anjur bengkel Teknologi dan Kejuruteraan Hijau 22-23 Julai

**SEKOLAH** Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Green Engineering & Technology Workshop pada 22 dan 23 Julai 2010 di Grand Borneo Hotel, di sini.

Bengkel berkenaan bakal dikendalikan tiga penceramah berpengalaman dan kompeten iaitu Dekan SKTM, Dr. Rosalam Hj. Sarbatly; pensyarah dari Washington University, St Louis, Amerika Syarikat, Dr. P. A Ramachandran dan seorang lagi

pensyarah SKTM, Dr. Pogaku Ravindra.

Antara isu utama yang diketengahkan dalam bengkel tersebut termasuklah pencegahan pencemaran dalam industri, strategi mencegah pencemaran untuk reaktor kimia dan penggunaan teknologi membran yang merujuk kepada kejuruteraan hijau.

Majlis perasmiannya dijangka disempurnakan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui.